

# Hidup terasing dari dunia luar

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)



## Suku Jahai sedaya-upaya kekal gaya hidup turun-temurun

HUTAN Simpan Royal Belum yang terletak di Banjaran Titiwangsa, Hulu Perak adalah tempat tinggal Orang Asli dari suku kaum Jahai sejak sekian lama.

Secara amnya, suku Jahai tinggal di wilayah utara Semenanjung seperti pedalaman Perak dan Kelantan manakala sebahagian kecil lagi di selatan Thailand.

Mereka hidup terasing dari dunia luar dan cuba sedaya-upaya mengekalkan gaya hidup turun-temurun walaupun ada pertembungan budaya dengan tamadun lain seperti orang Melayu, gerila komunis atau tentera Inggeris.

Pondok kecil yang menjadi kediaman suku Jahai masih menggunakan atap 'cucuh', pokok seperti atap nipah atau rumbia yang digunakan oleh orang Melayu untuk membuat atap tradisional.

Dinding dan lantai rumah dibuat daripada buluh. Tetapi mereka mempunyai generator untuk membekal elektrik pada sebelah malam bagi menonton video cakera padat terbaru.

Generasi lama masih bercawat dan kurang fasih berbahasa Melayu.

Namun, golongan muda juga tidak banyak perubahan. Kanak-kanak Jahai masih ada yang tidak berpakaian.

Tetapi lebih malang, ketika kunjungan penulis ke Kampung Kejar Hilir, Royal Belum utara baru-baru ini, tiada seorang pun daripada penghuni kampung itu pernah ke sekolah.

Alasan mereka, sekolah jauh. Ini disebabkan sekolah terdekat di Sungai Tiang, kira-kira sejam perjalanan dengan bot dari petempatan mereka.



**ORANG Asli Jahai membasuh pakaian di tepi Tasik Banding, Hulu Perak.**



**ORANG Asli Jahai yang tinggal di kampung Kejar Hilir Tasik Banding, Hulu Perak hidup serba sederhana.**

Ini memberi gambaran remaja dan kanak-kanak Jahai akan meneruskan gaya hidup nenek-moyang mereka untuk satu generasi lagi.

Mereka akan terus ketinggalan daripada arus pembangunan perdana.

Pembantu kepada Tok Batin, Mat Sah Tombok, berusia kira-kira 55 tahun berkata, Kg Kejar Hilir mempunyai kira-kira 20 keluarga dan menempatkan hampir 150 suku Jahai kesemuanya.

Di kampung berkenaan, mereka masih mengamalkan kepercayaan animisme dan tiada yang beragama Islam.

Ketika salah seorang wartawan bertanya mengenai agama mereka, Mat Sah berkata, "biasa-biasa saja,".

Dianggarkan terdapat 1,000 suku Jahai di sekitar pedalaman Perak, Kelantan dan selatan Thailand.

Selain tradisi Orang Asli yang suka berpindah ke tempat baru (terutama selepas ada kematian), dalam kes Kg Kejar Hilir, mereka terpaksa berpindah dan mendirikan petempatan baru kerana kampung sebelum ini diancam oleh sekumpulan gajah liar.

Gajah yang mereka panggil 'orang kuat' juga memusnahkan pisang, ubi kayu dan padi yang penduduk itu tanam di tepi Tasik Banding, kira-kira 500 meter dari Kg Kejar Hilir.

Serangan gajah bukan saja memberi masalah kepada Orang Asli, bahkan memusnahkan tanaman kelapa sawit dan getah di kebun komersial sekitar Gerik, Perak dan Jeli di Kelantan.

Ini disebabkan Royal Belum menempatkan tiga suku daripada kira-kira 400 ekor gajah di

seluruh Semenanjung, dan sebahagian daripadanya dibawa dari hutan lain selepas 'menganggu' tanaman penduduk setempat.

Dengan kepadatan tinggi 'orang kuat' di Royal Belum, tidak hairan jika anda terserempak dengan 'mereka' jika melalui Lebuh Raya Timur Barat.

Suku Jahai adalah dari kumpulan Austroasia, sama seperti suku Temiar yang tinggal di kawasan tengah Semenanjung.

Ketika kunjungan penulis ke kawasan utara Royal Belum kerana meliputi demonstrasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) baru-baru ini, orang Jahai sangat berbangga dengan suku mereka dan mengatakan Jahai 'lebih baik' daripada Temiar.

Daun a/l Sarai, 70-an berkata, "Jahai bagus. Tidak campur Temiar," katanya yang mempunyai penguasaan bahasa Melayu terhad.

Temubual dikendalikan dengan bantuan terjemahan pemuda berusia lingkungan 24 tahun, Roni a/l Kembung.

Dia berkahwin dengan anak penolong tok batin, Kani a/p Mat Sah dan mempunyai seorang anak perempuan berusia setahun, dinamakan Noraini.

Roni fasih berbahasa Melayu, menggambarkan kekerapannya berhubung dengan penduduk sekitar Tasik Banding, terutama di restoran berdekatan jambatan Banding.

Suku Jahai meneruskan kehidupan dengan menjual ikan baung, tengalan atau temoleh kepada pengusaha restoran di Tasik Banding, kira-kira 50 kilometer dari pekan Gerik.

Hasil hutan seperti rotan biasanya ditukar dengan makanan seperti beras atau keperluan lain seperti pukat, pancing atau petrol untuk bot kecil mereka.

Jika anda memandu di Lebuh raya Timur-Barat dari pekan Gerik menghala ke Jeli, kira-kira 50 kilometer dari Gerik, terdapat jambatan pertama di Tasik Banding yang satu hujung menempatkan Kem Seri Banding manakala hujung jambatan satu lagi terdapat Resort Tasik Banding dan Stesen Petronas.

Jambatan kedua kira-kira satu kilometer selepas stesen minyak berkenaan menempatkan sebuah restoran yang menjadi tempat Orang Asli menjual atau menukar hasil hutan atau tangkapan ikan.

Kg Kejar Hilir di gigi Tasik Banding didirikan lima tahun lalu, kira-kira lima kilometer dari sempadan Malaysia-Thailand.

Lokasi kampung ini dan beberapa pos petempatan Jahai yang lain, terletak antara Marker November (tempat anggota ATM mengambil bekalan) dengan jeti Royal Belum (kira-kira tiga kilometer dari sempadan).

Seluruh kawasan utara Royal Belum adalah kawasan operasi ATM sejak 1948 hingga sekarang dan orang awam tidak dibenarkan masuk tanpa kebenaran.

Ini menjadikan suku Jahai di kawasan itu hanya berhubung dengan gerila komunis atau anggota ATM sejak berpuluhan tahun lalu.

Hasil pertembungan budaya dengan orang Melayu, banyak daripada perkataan dalam bahasa Jahai dipinjam daripada bahasa Melayu.

Antaranya 'makan', 'nasi', 'ubi kayu', 'gajah' dan 'gading'.

Kajian ahli bahasa menunjukkan sebahagian kecil bahasa Jahai diambil terus daripada Inggeris hasil pertembungan dengan tentera Inggeris semasa Zaman Darurat.

Antaranya 'grinet' (grainade), 'pos' (post) dan 'trining' (training).

Jika anda berminat mendalami bahasa Jahai, antara lain penyelidik 'The Australian National University', Niclas Burenhult menerbitkan buku 'A Grammar of Jahai' yang dikemaskini pada 2004.